

**KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN KESAKSIAN KANAK-
KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**

***ADMISSIBILITY AND CHALLENGES OF CHILD WITNESSES' TESTIMONIES IN
MALAYSIAN SYARIAH COURTS***

ⁱ Siti Nuraimi Yazulla @ Yusni, ⁱ Noor Ilienna Rahayu Ibrahim, ⁱⁱ Suhaizad Saifuddin

ⁱFakulti Syariah Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱ Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: nuraimisiti01@gmail.com

ABSTRACT

This study examines the admissibility of child witness testimony and the role of child witnesses in court proceedings in Malaysia. The existence of a dualistic legal system comprising civil and Shariah law each with distinct provisions concerning child evidence, raises questions regarding the uniformity of principles on this matter. Consequently, the objectives of this research are to analyse the position of child witness testimony from an Islamic perspective and to compare its legal frameworks under the civil and Shariah systems. Employing a qualitative research design, this study adopts a documentary analysis approach, drawing upon primary and secondary legal sources, including statutes, case law, and academic literature. The findings reveal that the principles, classification, and admissibility of child witness testimony differ significantly between the Shariah and Civil Courts. These disparities originate from the differing substantive and procedural laws applied by each court. The study concludes by proposing the formulation of a comprehensive, specific legal framework for the Shariah Courts. This proposed legislation must extend beyond the mere admissibility of testimony to encompass evidentiary procedures and specific protective mechanisms for child witnesses.

Keywords: Children, Witness, Testimony, Syariah Court, Civil Court

ABSTRAK

Kajian ini meneliti kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak serta peranan mereka dalam prosiding mahkamah di Malaysia. Kewujudan sistem undang-undang dualistik, iaitu undang-undang sivil dan syariah, yang masing-masing mempunyai peruntukan berbeza berkenaan keterangan kanak-kanak, menimbulkan persoalan tentang keseragaman prinsip berkaitan isu ini. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kedudukan keterangan saksi kanak-kanak dari perspektif Islam dan seterusnya membandingkan kerangka undang-undangnya di bawah sistem sivil dan syariah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen terhadap sumber perundangan primer dan sekunder, termasuk statut, laporan kes, dan karya akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip, klasifikasi, dan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak adalah berbeza secara signifikan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Perbezaan ini adalah berpunca daripada perundangan substantif dan prosedural yang berlainan yang diguna pakai oleh setiap mahkamah. Kajian ini merumuskan dengan mencadangkan supaya suatu kerangka perundangan khusus yang komprehensif digubal untuk Mahkamah Syariah. Perundangan baru ini perlu melangkaui aspek kebolehterimaan keterangan semata-mata dengan merangkumi tatacara pembuktian dan mekanisme perlindungan khas untuk saksi kanak-kanak.

Kata kunci: *Kanak-kanak, Saksi, Keterangan Saksi, Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil*

PENGENALAN

Prinsip syariah dalam prosiding mahkamah lahir daripada konsep keadilan yang memberikan kedua-dua pihak dalam mahkamah peluang yang adil dan saksama untuk menyatakan kes masing-masing. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Terjemahan: Dan jika kamu menghukum (perkara mereka) maka hukumlah (perkara itu) diantara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang yang adil.

(Surah Al-Maidah: 42)

Pembuktian merupakan elemen yang amat signifikan dalam sesuatu prosiding perbicaraan kerana ia menjadi asas kepada penentuan kebenaran dan keadilan oleh mahkamah. Perkataan bukti ditakrifkan sebagai keterangan yang nyata, tanda kebenaran atau dalil yang menyokong sesuatu kenyataan atau dakwaan. Dalam istilah perundangan Islam, pembuktian disebut sebagai *ithbat*, iaitu tindakan mengemukakan dalil di hadapan hakim bagi menuntut sesuatu hak atau mempertahankan hak sedia ada (Muhammad Rawwas, 1983). Pembuktian yang dikemukakan dalam sesuatu perbicaraan perlu dilakukan secara teratur dan menurut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang agar dapat diterima oleh mahkamah sebagai bukti yang sah (Saifuddin et al., 2019). Kepentingan pembuktian turut digariskan dalam peranan Undang-undang Keterangan yang bertujuan menyeragamkan tatacara penerimaan bukti, mengurangkan kekeliruan prosedur, serta menjamin keadilan kepada pihak yang terlibat. Pembuktian yang kukuh membantu hakim menentukan kesalahan atau tidak bersalah seseorang tertuduh berdasarkan tahap keyakinan dan kebenaran fakta yang dibuktikan. Tanpa kerangka pembuktian yang jelas, keputusan mahkamah berisiko dipengaruhi oleh andaian atau bukti tidak sah, sekali gus menjejaskan kredibiliti sistem kehakiman Syariah (Saifuddin et al., 2025).

Pengemukaan saksi dalam prosiding mahkamah adalah selaras dengan konsep keadilan bagi tujuan penyataan kes pihak-pihak (Mohd Shariff, 2011). Secara umum, konsep kesaksian berkait rapat dengan konsep keterangan *bayinah* dan *syahadah*. Secara ringkas, *bayinah* diertikan sebagai keterangan yang merangkumi semua bentuk keterangan lain dalam membuktikan sesuatu kebenaran termasuklah keterangan *syahadah*, *igrar*, *yamin*, dan *qarinah* (Noor, 2008). Pengertian ini juga sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2004 (Negeri Sabah).

Peranan saksi bagi sesuatu kes di Mahkamah adalah untuk memberi maklumat kepada Mahkamah berkaitan dengan kes yang dibicarakan bagi membantu Mahkamah untuk menilai bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang terlibat. Apabila seseorang itu dipanggil menjadi saksi, mereka adalah orang yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan kes tersebut. Keterangan seorang saksi biasanya diberikan secara lisan di Mahkamah sama ada untuk mengesahkan fakta-fakta dan juga dokumen-dokumen yang dikemukakan sepanjang kes perbicaraan. Tiada had umur untuk melayakkan seseorang itu menjadi saksi akan tetapi sekiranya saksi tersebut adalah seorang kanak-kanak maka Mahkamah perlu lebih berhati-hati dalam menentukan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak tersebut. Berikutan itu, jelas bahawa kanak-kanak juga boleh menjadi saksi dalam mahkamah dan boleh memberikan keterangan di hadapan hakim mahkamah. Namun, terdapat pemakaian peruntukan yang berbeza bagi saksi kanak-kanak sama ada dalam mahkamah syariah mahupun sivil berikutan keadaan, personaliti, gaya pemikiran, dan tahap kematangan yang berbeza jika dibandingkan dengan seorang dewasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen. Data diperoleh daripada sumber bertulis primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi Al-Quran dan Hadis, yang membentuk asas hujah undang-undang agama, serta bahan *statutori* seperti Akta Keterangan 1950, Akta Kanak-Kanak 2001, dan Akta Keterangan Kanak-Kanak 2007. Fokus khusus diberikan kepada perundangan Islam Sabah, iaitu Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 dan Enakmen Keluarga Islam (Sabah) 2004. Sumber sekunder terdiri daripada karya ilmiah, termasuk artikel jurnal daripada ahli akademik universiti tempatan, kertas prosiding persidangan, kertas penyelidikan, dan portal kerajaan rasmi. Sumber-sumber ini dianalisis secara kritis untuk meneliti kebolehterimaan dan cabaran keterangan saksi kanak-kanak dalam konteks mahkamah Syariah di Malaysia.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Keterangan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam

Sebelum keterangan saksi dijelaskan, kefahaman terhadap konsep kesaksian perlu dijelaskan terlebih dahulu. Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (n.d.), perkataan kesaksian berasal daripada kata nama 'saksi' yang bersinonim dengan perkataan pemerhati. Berdasarkan maksud itu, kesaksian dari segi Bahasa Melayu membawa maksud 'keterangan yg diberikan oleh orang yg melihat'. Dari segi perspektif Islam pula, perkataan atau terma kesaksian berasal daripada perkataan Arab *shahada* yang merujuk kepada beberapa perkara antaranya perkhabaran yang asli, sumpah, ikrar, dan kehadiran dan pemberitahuan (Adli & Mohamed Said, 2018). Menurut al-Syarbini pula, terma kesaksian berasal daripada perkataan arab *shuhud* yang mempunyai maksud kehadiran dan berdasarkan pernyataan ini, al-Qurtubi berpendapat bahawa seseorang itu dikatakan menyaksikan anak bulan sekiranya seseorang itu turut hadir semasa berlakunya peristiwa yang dikatakan itu (Adli & Mohamed Said, 2018). Menurut Mazhab Syafi'i, konsep kesaksian berpaksikan kepada perkataan *al-syahadah* yang bermaksud hadir dari segi bahasa dan juga berpaksikan kepada perkataan *bayinah* yang bermaksud saksi

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

dari segi bahasa dan bermaksud suatu perkhabaran tentang sesuatu dengan lafaz yang khusus iaitu lafaz *asyhadu* dari segi istilah (Noor, 2008).

Berdasarkan Noor (2008) syarat yang melayakkan seseorang menjadi saksi terdiri daripada lima syarat iaitu:

- a) Muslim dan baligh
- b) Adil
- c) Menjaga maruah
- d) Tiada tohmahan
- e) Boleh melihat

Menurut pandangan al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah dan sebahagian pengikut Imam Ahmad bin Hanbali (Abdul Karim Zaidan, 1988) berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan kamu*

(Al -Baqarah: 282)

Berdasarkan pendapat al-Qurtubi (1942), perkataan “lelaki dalam kalangan kamu” di dalam ayat di atas adalah mengecualikan kanak-kanak daripada memberikan kesaksian. Secara umumnya sesiapa sahaja boleh menjadi saksi sekiranya memenuhi kelayakan menjadi saksi seperti yang diperincikan oleh jumhur fuqaha. Antara syarat-syarat tersebut adalah seorang yang berakal dan baligh. Jumhur fuqaha tidak menerima keterangan yang dibuat oleh seorang kanak-kanak namun sebahagian dari golongan Malikiyyah berpendapat kanak-kanak diharuskan menjadi saksi dengan syarat kesaksian tersebut dibuat hanya bagi kes yang melibatkan kanak-kanak tersebut sahaja. Menurut Ibn Qudāmah (1996) ijma' ulama telah menegaskan seorang yang tidak berakal, kesaksiannya tidak diterima pakai dalam apa jua keadaan sekalipun. Ini adalah seorang yang tidak berakal tidak mempunyai kemampuan untuk memahami apa yang berlaku apatah lagi kesan keterangan mereka terhadap sesuatu kes (Adli & Mohamed Said, 2008).

Imam Syafie menegaskan bahawa tidak akan diterima kesaksian golongan kanak-kanak, sama ada kanak-kanak lelaki atau perempuan sama ada sesama mereka atau ke atas orang lain. Ketidakterimaan tersebut adalah ke atas semua jenis kes walaupun kanak-kanak tersebut telah *mukalaf*. Akan tetapi sekiranya saksi berkenaan telah baligh semasa menyampaikan kesaksian (ada' al-syahadah), maka kesaksian mereka akan diterima (Abd Rahim, 2022). Mazhab Maliki dan Hanbali juga turut menerima kesaksian kanak-kanak yang telah mencapai umur *mumaiyiz* dalam kes jenayah yang berkaitan dengan kecederaan dan pembunuhan (*al-dima'*) dengan syarat saksi yang ada hanya saksi kanak-kanak dan kanak-kanak tersebut menyaksikan sendiri kejadian tersebut (Abd Rahim, 2022). Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Nasohah et al. (2021), ulama fiqh melaksanakan ujian terhadap kanak-kanak mengikut kategori *tamyiz*. *Tamyiz* dari segi bahasa merujuk kepada kebolehan seorang kanak-kanak untuk membezakan sesuatu perkara. Sesetengah ulama fiqh menguji kanak-kanak tersebut dengan melihat kebolehan kanak-kanak untuk makan, minum dan mencuci tanpa bantuan orang lain manakala sesetengah ulama fiqh yang lain menguji dari segi kebolehan kanak-kanak tersebut untuk memahami dan menjawab soalan yang diajukan (Alwi, 1999; Nasohah et al., 2021). Selain itu,

Abu Zahrah berpendapat *tamyiz* merujuk kepada kebolehan kanak-kanak untuk memahami kesan jual beli kontrak (Nasohah et al., 2021). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nasohah et al. (2021), mereka telah mengkategorikan kanak-kanak kepada dua iaitu sebelum *mumaiyiz* dan selepas *mumaiyiz*. Bagi kategori sebelum *mumaiyiz*, kanak-kanak itu berada pada tahap selepas kelahiran sehingga mereka berumur tujuh tahun dan kanak-kanak ini tidak lagi dikira sebagai mempunyai *tamyiz*. Bagi kategori selepas *mumaiyiz* pula, ulama fiqh menyatakan kanak-kanak ini berumur tujuh tahun sehingga baligh. Pada tahap ini, kanak-kanak ini mempunyai ciri-ciri *tamyiz* yang merujuk kepada kebolehan kanak-kanak untuk membezakan perkara yang baik dengan yang buruk.

Sebagai rumusannya jelas bahawa kesaksian adalah merujuk kepada mana-mana individu yang boleh memberikan keterangan dan hadir secara fizikal pada waktu sesuatu peristiwa yang dikatakan itu berlaku. Antara syarat yang ditetapkan bagi seorang saksi terdiri daripada syarat bahawa seorang itu beragama Islam dan baligh. Namun begitu, jumhur fuqaha telah memberikan pendapat masing-masing mengenai saksi yang dikategorikan sebagai kanak-kanak. Bagi saksi kanak-kanak, perlu dibuktikan bahawa kanak-kanak itu telah baligh dan telah mencapai tahap *mumaiyiz* di mana kanak-kanak itu boleh menilai antara baik atau buruk sesuatu perkara.

Kesaksian Kanak-kanak Menurut Undang-undang Syariah

Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2004 (Negeri Sabah) ("EKMS 2004") memberi maksud keterangan iaitu:

Keterangan termasuklah (a) bayinah dan syahadah; (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; Pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan; (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah; Dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Makna *bayinah* pula ialah "keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*". *Al-shahadah* pula ialah apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafaz asyhadu untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan.

Tiada seksyen yang khusus bagi menjelaskan berkaitan dengan syarat saksi kanak-kanak di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Enakmen tersebut hanya memberi penjelasan berkenaan dengan syarat-syarat saksi secara umum iaitu di bawah Seksyen 83(1) EKMS 2004.

Di Sabah, keterangan kanak-kanak boleh dilihat di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2004 (EKMS 2004) dimana Seksyen 83 menerangkan siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi. Seksyen 83(1) menyatakan bahawa semua orang Islam adalah kompeten untuk menjadi saksi dan memberikan keterangan *syahadah* atau bayinah dengan syarat mereka adalah *aqil*, *baligh*, *adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka. Berdasarkan Seksyen 83(1) ini, jelas bahawa bagi kanak-kanak yang berada di bawah umur 18 tahun yang telah *aqil* dan *baligh* boleh memberikan keterangan *syahadah* atau bayinah jika mereka telah memenuhi syarat-syarat tertentu di dalam seksyen itu.

Manakala, Seksyen 83(4) menjelaskan seseorang yang belum *baligh* atau seseorang yang tak sempurna akal ialah kompeten untuk memberikan keterangan bayinah tetapi tidak kompeten

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

untuk memberikan keterangan *syahadah*. Huraian bagi Seksyen 83(4) menjelaskan keterangan bayinah bagi seorang yang belum dewasa dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh beberapa orang-orang belum dewasa ke atas yang lain boleh diterima dengan syarat bahawa antara mereka tiada perselisihan faham dan mereka berada di tempat kejadian itu. Berdasarkan Seksyen 83(4) ini pula, jelas bahawa bagi kanak-kanak yang belum dewasa dan berumur kurang daripada 18 tahun adalah dibenarkan memberi keterangan bayinah.

Jika dibandingkan kedua-dua seksyen yang disebut di atas, jelas bahawa terdapat dua kategori kanak-kanak dan dua klasifikasi keterangan yang diberikan mengikut kategori kanak-kanak. Seksyen 83(1) terpakai bagi kanak-kanak yang berumur kurang 18 tahun tapi telah *baligh* manakala Seksyen 83(4) terpakai bagi kanak-kanak yang berumur kurang 18 tahun yang belum *baligh*. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak yang telah *baligh* boleh memberikan keterangan *syahadah* atau bayinah manakala kanak-kanak yang belum *baligh* hanya boleh memberikan keterangan bayinah.

Dengan itu, jelas bahawa penyampaian kesaksian kanak-kanak yang telah *baligh* bahawa mereka telah menerima atau melihat perkara yang disaksikan boleh diterima di dalam mahkamah (Sallahudin & Samuri, 2024). Berbeza pula bagi kanak-kanak yang belum *baligh* dimana keterangan mereka bagi menerima perkara yang disaksikan sahaja boleh diterima oleh mahkamah.

Bagaimanakah pula kedudukan keterangan seorang suami terhadap isterinya dan sebaliknya dan seorang anak terhadap ibu bapanya dan sebaliknya? Peruntukan bagi perkara ini adalah di bawah Seksyen 85 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2004 (Negeri Sabah):

85. (1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya dan keterangan isteri terhadap suaminya boleh diterima sebagai syahadah dan bayinah.

(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu bapanya dan keterangan ibu bapa terhadap anaknya boleh diterima sebagai syahadah dan bayinah.

(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai bayinah.

(4) Keterangan ibu bapa bagi anaknya dan keterangan anak bagi ibu bapanya boleh diterima sebagai bayinah.

Berdasarkan Seksyen tersebut, dapat disimpulkan bahawa sekiranya keterangan pihak-pihak tersebut adalah menentang, maka ianya boleh diterima sebagai syahadah atau bayinah mengikut yang mana sesuai. Akan tetapi keterangan tersebut diterima sebagai bayinah sahaja sekiranya keterangan pihak-pihak tersebut untuk faedah pihak yang satu lagi. Ini disebabkan pertalian darah di antara suami isteri, anak dan ibu bapa dan secara natural atau semula jadinya, mereka dianggap mempunyai hubungan yang baik dan akan timbul tohmahan atau syak wasangka jika keterangan diberikan untuk faedah dan kebaikan pihak yang satu lagi (Noor, 2008). Tidak dinafikan juga disebabkan pertalian darah tersebut boleh mempengaruhi pemikiran rasional dan mempunyai kecenderungan untuk memihak kepada keluarga mereka.

Kesaksian Kanak-kanak Menurut Undang-undang Sivil

Bagi mahkamah sivil pula, terdapat dua akta khusus berkaitan kesaksian kanak-kanak. Perundangan tersebut adalah Akta Keterangan 1950 (AK 1950) dan Akta Keterangan Kanak-Kanak 2007 (AKKK 2007). AK 1950 adalah statut utama berkaitan undang-undang keterangan

di Malaysia dan peruntukan yang berkaitan dengan keterangan saksi kanak-kanak terletak di bawah Seksyen 118 dan Seksyen 133A AK 1950.

Secara ringkasnya, Seksyen 118 AK 1950 yang bertajuk '*Siapa yang boleh memberikan keterangan*' memperuntukkan keupayaan atau kompetensi seorang kanak-kanak untuk memberikan keterangan dengan syarat kanak-kanak itu boleh memahami soalan dan boleh memberikan jawapan yang rasional (Abd Rahim, 2022). Untuk menentukan kompetensi, mahkamah perlu menjalankan pemeriksaan terlebih dahulu dengan menanyakan beberapa soalan yang wajar untuk menilai sama ada kanak-kanak tersebut boleh memahami soalan dan seterusnya boleh memberikan jawapan yang rasional (Abd Rahim, 2022).

Seksyen 133A AK 1950 pula bertajuk '*Keterangan kanak-kanak yang masih mentah*' dan memperuntukkan tentang kesaksian kanak-kanak yang diberikan tanpa bersumpah. Apabila seorang kanak-kanak dibawa untuk memberi keterangan dan dia tidak memahami maksud sumpah, keterangannya masih boleh diterima dengan syarat dia mempunyai akal yang cukup dan dia faham tentang kewajipan bercakap benar.

Bagi AKKK 2007 pula, peruntukan ini khusus berkaitan dengan pemberian keterangan saksi kanak-kanak. Dalam Seksyen 2 AKKK 2007, saksi kanak-kanak telah didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berumur 16 tahun ke bawah yang dipanggil atau dicadangkan untuk dipanggil memberikan keterangan tapi tidak termasuk kanak-kanak yang didakwa dengan mana-mana kesalahan. Bahagian 2 AKKK 2007 mengandungi Seksyen 3-14 dimana prosedur atau cara pengambilan keterangan saksi kanak-kanak diperjelaskan. Antara cara yang diperuntukkan adalah dengan mengadakan suatu pengadang di antara saksi kanak-kanak dan tertuduh atau dengan kanak-kanak yang didakwa, dengan cara rangkaian langsung, atau dengan cara rakaman video.

AKKK 2007 telah memperuntukkan prosedur yang wajib diambil bagi mengambil keterangan daripada saksi kanak-kanak. Seksyen 3(1) AKKK 2007 menjelaskan cara-cara untuk mengambil keterangan saksi kanak-kanak seperti, a) mewujudkan suatu pengadang di antara saksi kanak-kanak dan tertuduh atau dengan kanak-kanak yang dituduh, b) dengan cara rangkaian langsung, atau c) dengan cara rakaman video.

Seksyen 3(1)(a) memperuntukkan bahawa suatu penghadang wajib diletak di antara saksi kanak-kanak dengan tertuduh atau dengan kanak-kanak yang dituduh. Namun, pengadang ini tidaklah menghalang saksi kanak-kanak daripada melihat dan dilihat oleh Mahkamah, pendakwa raya, peguam tertuduh atau kanak-kanak yang dituduh, dan jurubahasa.

Sementara seksyen 3(1)(b) menjelaskan saksi kanak-kanak boleh memberikan keterangan dengan cara rangkaian langsung (*live link*) dari lokasi tempat yang lain. Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang wajar bagi penggunaan prosedur ini. Antaranya adalah seperti menetapkan seorang jurubahasa atau seorang ahli mahkamah berada di lokasi saksi kanak-kanak memberikan keterangan, dan penggunaan rangkaian langsung yang memenuhi standard teknikal.

Selanjutnya seksyen 3(1)(c) menetapkan bahawa saksi kanak-kanak boleh memberi keterangan (*examination in chief*) melalui rakaman video dan haruslah ditemani dengan transkrip video dalam bahasa yang digunakan oleh saksi kanak-kanak berserta terjemahan transkrip tersebut dalam Bahasa Malaysia sekiranya bahasa selain Bahasa Malaysia digunakan semasa video dirakam.

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Seksyen 9 AKKK 2007 juga memperuntukkan bagi kehadiran seorang dewasa untuk menemani saksi kanak-kanak semasa memberi keterangan. Seksyen 14 AKKK 2007 kemudian memberikan perlindungan kepada saksi kanak-kanak dimana identiti dan apa-apa informasi mengenai saksi tersebut dilindungi daripada penerbitan media. Sesiapa yang melanggar peruntukan ini boleh didenda RM10,000 atau penjara selama tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Pada tahun 2024, terdapat beberapa pindaan yang diluluskan Parlimen Malaysia dan mewujudkan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024 (AKKK 2024). Antaranya adalah penambahan Bahagian 1A dan Bahagian 1B. Bahagian 1A dalam AKKK 2024 memperuntukkan berkaitan '*Kekompetenan saksi kanak-kanak, keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya dan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak*'. Seksyen bahagian 1A adalah seperti berikut:

Seksyen - 2A Semua saksi kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan. Kekompetenan saksi kanak-kanak boleh berubah berikutan inkuiri yang dilaksanakan mengikut Seksyen 2C

2B Keterangan saksi kanak-kanak berumur 12 tahun dan memahami sifat sumpah harus mengangkat sumpah sebelum keterangan diambil. Bagi yang berumur bawah 12 tahun atau tidak memahami sifat sumpah, mereka tidak perlu mengangkat sumpah dan hanya perlu dimaklumkan kewajipan untuk bercakap benar.

2C Suatu inkuiri perlu dijalankan sebelum keterangan diberikan atau semasa pemberian keterangan berjalan tetapi sebelum pemberian keterangan selesai. Inkuiri adalah untuk menguji kekompetenan dan keupayaan saksi kanak-kanak untuk memberi keterangan.

2D Keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak diterima sebagai keterangan yang menyebabkan pensabitan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh.

Manakala, Bahagian 1B dalam AKKK 2024 memperuntukkan berkaitan 'Pengurusan Kes'. Ringkasan bagi seksyen di bawah Bahagian 1B adalah seperti berikut:

Seksyen - 2E Peruntukan ini khusus bagi kes-kes jenayah dan bagi proses pengurusan kes jenayah

Jelas bahawa, keterangan saksi kanak-kanak boleh diterima oleh mahkamah dalam dua cara iaitu dengan mengangkat sumpah dan tanpa mengangkat sumpah.

Analisis Perbandingan Peruntukan Undang-undang berkaitan Kesaksian Kanak-kanak Di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia dibentuk melalui proses perundangan yang unik, menggabungkan prinsip *fiqh al-ithbat* (pembuktian Islam) dengan struktur perundangan moden seperti Akta Keterangan 1950. Pendekatan ini memastikan keharmonian antara prinsip tradisional Islam dan keperluan kontemporari, dengan objektif utama memastikan keterangan yang dikemukakan adalah sah, berautoriti, dan adil (Saifuddin et al., 2025).

Kedua-dua mahkamah syariah dan sivil mempunyai peruntukan berkenaan keterangan saksi kanak-kanak mereka tersendiri dan kedua-dua mahkamah membenarkan pemberian keterangan saksi kanak-kanak dengan mengangkat sumpah dan tanpa mengangkat sumpah. Namun, penggunaan terma saksi kanak-kanak bagi kedua-dua mahkamah adalah berbeza. Begitu juga dengan jenis keterangan saksi kanak-kanak yang diterima oleh mahkamah. Perbandingan antara kedua-dua perspektif boleh dilihat di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Perbandingan perspektif Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil berkaitan keterangan saksi kanak-kanak

Mahkamah Syariah	Mahkamah Sivil
Perundangan berkaitan: EKMS 2004	Perundangan berkaitan: AKKK 2007 & AK 1950
Definisi: Kanak-kanak: Tiada peruntukan khusus dalam perundangan Syariah (Saifuddin, 2021; Sallahudin & Samuri, 2024). <i>Baligh</i>: Umur <i>baligh</i> mengikut Hukum Syarak (Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2004) 4 kategori <i>baligh</i> berdasarkan Sallahudin dan Samuri (2024): <i>Baligh</i>: seseorang yang telah sampai umur, telah mencapai umur 12 tahun kamariah, <i>Baligh</i> dan berakal: seseorang yang telah mencapai umur 15 tahun, sudah sampai umur	Definisi: Kanak-kanak: a) Berumur bawah 18 tahun, b) berhubung dengan prosiding jenayah, seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 8 Kanun Keseksaan [Akta 574] (Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001) Saksi kanak-kanak: Seseorang berumur di bawah 16 tahun yang dipanggil sebagai saksi (Seksyen 2 AKKK 2007)
Penjelasan mengenai saksi kanak-kanak EKMS 2004: - Saksi kanak-kanak yang <i>baligh</i> - Saksi kanak-kanak yang belum <i>baligh</i>	Penjelasan mengenai saksi kanak-kanak AKKK 2007/AK 1950: - Berumur 12 tahun dan ke atas - Berumur kurang 12 tahun
Jenis keterangan yang dibenarkan oleh saksi kanak-kanak EKMS 2004: <i>Baligh</i>: Bayinah dan <i>syahadah</i> - Belum <i>baligh</i>: Bayinah	Jenis keterangan yang dibenarkan oleh saksi kanak-kanak AKKK 2007/AK 1950: Tiada klasifikasi

Berdasarkan Jadual 1 diatas, jelas bahawa mahkamah syariah di Sabah mengaplikasikan EKMS 2004 manakala mahkamah sivil mengaplikasikan AKKK 2007 dan AK 1950. Bagi mahkamah syariah, definisi kanak-kanak tidak dijelaskan secara spesifik namun definisi baligh dijelaskan dalam Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2004 yang bererti umur baligh mengikut hukum syarak.

Menurut Sallahudin dan Samuri (2024) terdapat empat kategori baligh iaitu:

- yang secara umum merujuk kepada sampai umur,
- seseorang yang telah mencapai umur 12 tahun kamariah,
- seseorang yang telah mencapai umur 15 tahun
- seseorang yang sudah sampai umur dikira baligh dan berakal.

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Berbeza dengan pendekatan di mahkamah sivil, definisi kanak-kanak telah ditetapkan dalam Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 yang mengkategorikan seseorang yang berumur bawah 18 tahun dan seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 8 Kanun Keseksaan bagi prosiding jenayah sebagai kanak-kanak. Manakala, bagi terma saksi kanak-kanak pula, Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 pula mendefinisikan terma saksi kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur di bawah 16 tahun.

Berhubungan penjelasan mengenai saksi kanak-kanak pula, mahkamah syariah menekankan prinsip baligh ke atas saksi kanak-kanak. Bagi mahkamah sivil, penjelasan mengenai saksi kanak-kanak mengambil pendekatan dari segi umur kanak-kanak tersebut.

Seterusnya, mahkamah syariah mengelaskan jenis keterangan yang dibenarkan oleh saksi kanak-kanak iaitu keterangan bayinah dan *syahadah*. Bagi kanak-kanak yang baligh, keterangan yang diberikan boleh diterima sebagai bayinah dan juga syahadah. Namun, bagi kanak-kanak yang belum baligh, keterangan mereka hanya diterima sebagai bayinah. Berbeza dengan mahkamah sivil, tiada pengelasan ditetapkan ke atas keterangan saksi kanak-kanak.

Analisis Kes Kesaksian Kanak-kanak di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah

(i) *Muhammad Azdi Azfar Mohd Amirul Azdi lwn. Raudzah Abdul Halim & Yang Lain [2024] 1 SMC 579*

Kes ini adalah berkenaan dakwaan di Mahkamah Seksyen Selayang oleh Plaintiff bahawa defendan pertama telah memukul kepala plaintiff menggunakan penyapu dipegang defendan pertama. Berikutan kejadian itu, plaintiff telah mengalami kecederaan dan pendarahan yang banyak. Hasil pemeriksaan di klinik kesihatan mendapati bahawa plaintiff telah mengalami kecederaan di bahagian atas kepala dan telah menerima lima jahitan di kepala beserta balutan bagi menutup luka di kepala plaintiff. Menurut plaintiff, pada waktu kejadian tersebut plaintiff telah pergi ke meja defendan pertama selepas menjawab soalan yang diajukan oleh defendan pertama. Tujuan plaintiff adalah untuk membantu rakan sekelasnya, iaitu ‘Adam’, untuk menjawab soalan oleh defendan pertama. Ketika itulah, plaintiff terlihat defendan pertama mengejar seorang rakan kelasnya yang lain, iaitu ‘Akil’, sambil memegang sebatang penyapu. Plaintiff kemudiannya cuba kembali semula ke tempat duduk plaintiff dan defendan pertama secara tiba-tiba memukul kepala plaintiff dengan menggunakan penyapu itu.

Semasa perbicaraan, Plaintiff memanggil tiga (3) orang saksi yang mana Plaintiff sendiri adalah saksi plaintiff pertama (“SP1”). Manakala bagi pihak defendan pertama, defendan pertama telah memanggil salah seorang rakan kelas plaintiff yang berada di dalam kelas semasa kejadian berlaku iaitu Aiman Darwish bin Muhammad Akimi (“SD1(2)”). Sebelum mahkamah membenarkan SP1 dan SD1(2) memberikan keterangan secara bersumpah, mahkamah telah menjalankan ‘competency test’ dengan memeriksa SP1 dan SD1(2) dengan bertanyakan beberapa soalan kepada SP1 dan SD1(2) untuk menentukan sama ada SP1 dan SD1(2) memahami sifat sumpah dan kewajipan untuk bercakap benar. SP1 dan SD1(2) telah memberikan jawapan yang rasional kepada soalan-soalan yang diajukan dan mahkamah memutuskan bahawa SP1 dan SD1(2) merupakan seorang saksi yang kompeten dan boleh memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Selain dari SP1, plaintiff telah memanggil 2 orang saksi lain iaitu pegawai penyiasat dan bapa plaintiff.

Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama bahawa keterangan SP1 memerlukan sokongan (*‘corroboration’*) dengan keterangan atau bukti lain. Dalam kes ini, keterangan SP1 tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain bagi membolehkan keterangan SP1 diterima oleh mahkamah sebagai satu keterangan yang benar. Dua saksi lain iaitu pegawai

penyiasat dan bapa plaintif tidak berada di tempat kejadian ketika kejadian pukul tersebut berlaku.

Plaintif dalam pliding menyebut nama rakan sekelas iaitu Adam dan Akil akan tetapi kedua-dua rakan sekelas tersebut tidak dipanggil untuk menyokong keterangan plaintif. Dan tiada sebarang laporan perubatan dikemukakan untuk pengesahan bahawa kecederaan di kepala SP1 adalah disebabkan pukulan dengan penyapu. Plaintif juga sepatutnya mendapatkan pengesahan daripada Jabatan Kimia berkenaan dengan alat yang mencederakan kepala SP1 ialah penyapu seperti yang terdapat dalam gambar yang dikemukakan ke mahkamah bagi menyokong kes plaintiff.

Semasa memberikan keterangan di mahkamah, defendan pertama telah menafikan memukul kepala plaintif. Penafian defendan pertama tersebut telah disokong oleh keterangan saksi SD1(2) yang berada di dalam kelas semasa kejadian berlaku. Walaupun disoal balas oleh peguam plaintif, SD1(2) tetap memberikan keterangan bahawa SD1 tidak memukul kepala plaintif. SD1(2) juga memberikan keterangan bahawa plaintif menyorok di bawah meja guru.

Dalam keputusan mahkamah, tuntutan plaintif ke atas ketiga-tiga defendan ditolak. Dalam kes ini, dapat dilihat Mahkamah bersedia untuk menerima keterangan saksi kanak-kanak setelah Mahkamah berpuas hati bahawa saksi kanak-kanak tersebut adalah kompeten dan memahami pengertian sumpah saksi. Walaupun begitu, keterangan saksi memerlukan sokongan ('corroboration') dengan keterangan atau bukti lain. Dalam kes ini, plaintif telah gagal membawa keterangan lain untuk menyokong dakwaan plaintiff. Plaintif hanya memanggil dua (2) saksi lain yang tidak berada di tempat kejadian dan keterangan kedua-dua saksi tersebut gagal menyokong dakwaan plaintif. Manakala defendan pertama telah membawa saksi SD1(2) untuk menyokong penafian defendan pertama. Oleh itu plaintif telah gagal melepaskan beban pembuktian kes plaintif dan tuntutan plaintif telah ditolak.

(ii) *Roshidi Bin Zakaria lawan Rosmawati Binti Mahfar Kes Rayuan No.: 10000-028-0133-2019*

Perayu dan Responden telah bernikah pada 21.12.1999 dan memiliki 4 orang anak hasil dari perkahwinan tersebut. Responden telah memfailkan tuntutan hak jagaan terhadap anak-anak tersebut pada 25 Oktober 2018 yang mana pada masa itu, anak-anak tersebut masing-masing telah berumur 19, 18, 16 tahun dan 10 tahun. Hakim bicara telah memanggil anak-anak tersebut untuk ditemu bual oleh Hakim bicara berkenaan dengan pilihan mereka. Hakim bicara memutuskan bahawa hak penjagaan anak ketiga dan ke-empat diberikan kepada Responden dan Perayu diberikan hak lawatan dan bermalam ke atas anak ketiga dan keempat tersebut. Perayu tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan ini.

Responden telah mengemukakan keterangan secara afidavit dan Perayu pula telah memberikan keterangan secara lisan berserta keterangan seorang saksi iaitu RZ bagi tujuan permohonan hak jagaan tersebut. Hakim Bicara pula telah memanggil anak-anak tersebut untuk ditemu bual.

Mahkamah Rayuan mendapati Hakim Bicara tidak terkhilaf dengan dapatan anak pertama dan anak kedua sudah tidak termasuk dalam kategori kanak-kanak yang memerlukan penjagaan kerana telah mencapai umur dewasa. Kedua-dua anak tersebut masing-masing telah berumur 19 dan 18 tahun semasa kes dibicarakan, maka mereka sudah tidak terikat sebagaimana kehendak seksyen 85(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Seterusnya, Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa Hakim Bicara telah mengendalikan perbicaraan kes berdasarkan seksyen 126 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, dan keputusan Hakim Bicara memanggil anak-anak tersebut untuk

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

menyatakan pilihan mereka juga adalah bertepatan dengan kehendak seksyen 85(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Apabila kanak-kanak tersebut telah mencapai peringkat mumaiyiz maka sifat penting yang ada pada dirinya ialah boleh membezakan di antara mana yang baik dengan mana yang buruk termasuk kebajikan mereka. Oleh itu apa jua keputusannya berkaitan pilihannya sama ada hendak tinggal dengan ibu atau bapa adalah diterima tanpa Mahkamah perlu mempersoalkan dengan lebih mendalam kerana kanak-kanak tersebut telah mempunyai sifat tamyiz. Hak mereka membuat pilihan juga jelas diperuntukkan dalam seksyen 85(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Mahkamah mendapati Hakim Bicara tidak terkhilaf apabila membuat keputusan berdasarkan pilihan anak-anak tersebut untuk tinggal bersama ibunya memandangkan kedua-dua anak tersebut telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyiz) sebagaimana yang telah digariskan oleh Syarak dan undang-undang. Pilihan anak-anak tersebut adalah menjadi keputusan kerana ketika itu anak-anak tersebut telah mencapai umur yang dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri

Daripada kes ini dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Syariah bersedia untuk menerima dan memberi pertimbangan terhadap keterangan saksi kanak-kanak dalam prosiding bicara sekiranya kanak-kanak tersebut telah mencapai tahap mumaiyiz.

Cabaran Kesaksian Kanak-kanak di Mahkamah Syariah.

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran umum yang dihadapi berkenaan kesaksian kanak-kanak di Mahkamah Syariah seperti berikut:

(i) Ketiadaan Peruntukan Khusus Berhubung Tatacara Keterangan Saksi Kanak-Kanak

Dalam penggunaan mahkamah syariah, tiada peruntukan yang khusus tatacara memberikan keterangan oleh saksi kanak-kanak. Hanya wujud beberapa peruntukan dalam EKMS 2004 yang boleh dikaitkan dengan keterangan saksi kanak-kanak. Tetapi tiada peruntukan yang khusus bagi kanak-kanak apatah lagi proses atau prosedur mengemukakan keterangan oleh saksi kanak-kanak. AKKK 2007 telah memberikan prosedur yang perlu diambil oleh pihak Mahkamah dan peguam bagi memudahkan pengambilan keterangan saksi kanak-kanak. Namun, penggunaan AKKK 2007 hanyalah bagi mahkamah sivil seperti yang didefinisikan dalam Seksyen 2. Mahkamah Syariah seharusnya perlu mempunyai prosedur seperti yang diperuntukkan oleh AKKK 2007 dengan beberapa perubahan mengikut peruntukan syariah bagi membantu dan memudahkan saksi kanak-kanak dalam pemberian keterangan.

(ii) Tiada Ketetapan Umur Bagi Saksi Kanak-Kanak

Dalam AKKK 2007, telah didefinisikan saksi kanak-kanak adalah yang berada di bawah umur 16 tahun. Dengan pengelasan begini, boleh dilihat bahawa saksi kanak-kanak yang berumur lebih dari 16 tahun tapi kurang daripada 18 tahun adalah tidak layak untuk diberikan perlakuan seperti yang telah diperuntukkan oleh AKKK 2007. Sebaliknya, mereka harus memberi keterangan seolah-olah seseorang yang telah dewasa. Hal ini menunjukkan kelompangan dalam peruntukan undang-undang yang wajar dilihat dan dianalisis.

(iii) Pemahaman dan Kematangan Kanak-Kanak Yang Terbatas

Kanak-kanak mungkin tidak mempunyai keupayaan kognitif atau perkembangan mental yang cukup untuk memahami konsep kesaksian dan keterangan dan juga kesan dan akibat dari keterangan mereka terhadap sesuatu kes. Ada kemungkinan saksi kanak-kanak tersebut tidak dapat membezakan di antara realiti dan fantasi.

(iv) Keraguan Terhadap Keterangan Kanak-Kanak

Keterangan kanak-kanak adakalanya diragui kerana kanak-kanak mungkin memberi maklumat yang tidak betul, atau menyimpang dari realiti atau memutarbelitkan atau mereka cerita tanpa sengaja disebabkan rasa risau dan bimbang bahawa mereka akan mendapat kesan buruk sekiranya mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak. Selain dari itu, kanak-kanak juga boleh dipengaruhi oleh orang dewasa sekelilingnya untuk memberi keterangan yang memihak kepada mereka.

(v) Gangguan Emosi Ke Atas Saksi Kanak-Kanak

Saksi kanak-kanak mengalami gangguan emosi dan trauma mungkin akan menghadapi kesukaran dan berdepan dengan emosi yang boleh mempengaruhi ingatan mereka, kefahaman mereka terhadap soalan-soalan yang diberikan kepada mereka dan mempengaruhi cara mereka berkomunikasi untuk menyampaikan keterangan mereka. Perasaan takut tersebut boleh mempengaruhi kejujuran kanak-kanak dalam memberikan keterangan. Selain dari itu, ada kemungkinan kanak-kanak tersebut ketika menjadi saksi, akan mengalami tekanan perasaan yang tinggi disebabkan mereka berasa kesemua mata melihat ke arah mereka dan seolah-olah mengadili mereka.

(vi) Ketiadaan Pendekatan Yang Khusus Untuk Menemuramah Atau Mengambil Keterangan Kanak-Kanak

Kanak-kanak juga memerlukan masa untuk berasa selesa dan rasa percaya sebelum kanak-kanak bersedia untuk menjawab soalan-soalan dan memberikan maklumat kepada orang yang dirasakan asing baginya. Oleh itu, adalah penting untuk menimbulkan perasaan selesa dan juga memupuk rasa percaya dalam diri kanak-kanak sebelum bertanyakan soalan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak juga perlu diberikan jaminan bahawa kanak-kanak tersebut tidak akan dihukum sekiranya kanak-kanak tersebut tidak dapat mengingat semula atau tidak dapat menjawab soalan yang diberikan. Soalan-soalan perlu dimulakan dengan bertanya mengenai diri kanak-kanak tersebut sebelum mula bertanya soalan mengenai kes tersebut. Ayat-ayat yang digunakan juga adalah ayat yang mudah dan tidak mengelirukan kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak juga tidak seharusnya didesak untuk memberikan jawapan atau keterangan dengan kadar segera untuk mengelakkan kanak-kanak berasa tekanan dan trauma untuk meneruskan proses temu ramah atau soal jawab seterusnya.

Bagi proses temu ramah kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat, proses tersebut seharusnya dilakukan bukan di tempat awam akan tetapi di bilik tertutup dan disaksikan oleh ibu bapa kanak-kanak dan pegawai-pegawai terlibat dari dinding kaca. Ini bagi mengelak kanak-kanak berasa tidak selesa dan tekanan dengan keadaan sekeliling yang bising dan pandangan orang lain terhadap kanak-kanak tersebut. Manakala bagi proses pengambilan keterangan kanak-kanak di Mahkamah, Mahkamah perlu mengambil kira faktor umur, kes, latar belakang saksi sama ada saksi mempunyai pertalian darah atau berkait rapat dengan tertuduh atau sama ada saksi adalah mangsa dalam kes itu dan beberapa faktor lain. Ini kerana adalah sekiranya saksi kanak-kanak masih berusia sangat muda dan mereka adalah mangsa dalam kes tersebut seperti contoh kes rogol atau pukul, saksi kanak-kanak perlu ditempatkan

KEBOLEHTERIMAAN DAN CABARAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

di bilik yang dikhaskan dan berasingan dari tertuduh dan keterangan kanak-kanak tersebut akan diambil menggunakan persidangan video.

Cadangan Penambahbaikan

Cadangan penambahbaikan bagi peruntukan dan akta yang digunapakai bagi keterangan saksi kanak-kanak bertujuan untuk memastikan saksi kanak-kanak diberikan layanan yang sepadan dengan kebolehterimaan mereka untuk memberikan keterangan di dalam mahkamah syariah mahupun mahkamah sivil. Pertama, perundangan khusus patut digubal bagi kesaksian kanak-kanak selaras dengan AKKK 2007. Adalah satu keperluan bagi suatu peruntukan khusus seperti AKKK 2007 digubal bagi penggunaan mahkamah syariah. Menurut Seksyen 2 AKKK 2007, terma 'Mahkamah' hanya merujuk kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Jelas bahawa prosiding di Mahkamah Syariah tidak boleh mengaplikasikan peruntukan AKKK 2007 bagi saksi-saksi kanak. Peruntukan yang sama boleh digunakan dengan spesifikasi penggunaan di mahkamah syariah ataupun peruntukan baru yang tersendiri bagi kegunaan mahkamah syariah digubal. Hal ini semestinya boleh memberikan perlindungan kepada saksi kanak-kanak.

Selain itu, dicadangkan agar definisi saksi kanak-kanak dalam AKKK 2007 perlulah dipinda atau diperjelaskan lagi tentang had umur saksi kanak-kanak. Definisi yang diberikan dalam Seksyen 2 AKKK 2007 hanya merangkumi kanak-kanak yang berumur 16 tahun kebawah. Hal ini mewujudkan persoalan sama ada kanak-kanak yang berumur 16 hingga 18 tahun juga terpakai kepada AKKK 2007. Kelompongan yang wujud disebabkan definisi ini boleh menyebabkan saksi kanak-kanak yang berumur 16 tahun ke atas tidak diberikan perlindungan yang wajar kepadanya.

Seterusnya, adalah wajar bagi mahkamah untuk menjalankan ujian terhadap saksi kanak-kanak untuk mengenal pasti kebolehan, kejujuran, dan kefahaman kanak-kanak untuk memberikan keterangan kepada mahkamah. Ahli akademik Abd Rahim (2022) telah menjalankan suatu kajian berkenaan konsep kesaksian kanak-kanak dan menganalisis kes mahkamah. Beliau telah mencadangkan agar saksi kanak-kanak diuji berdasarkan tiga nilai. Nilai yang pertama adalah dari segi mumaiyiz, matang dan cerdik. Nilai ini mengetengahkan kebolehan saksi kanak-kanak membezakan perkara yang baik dan buruk, seseorang yang matang, cerdik, dan berkata benar. Nilai yang kedua mengetengahkan pendidikan saksi kanak-kanak tersebut dimana jenis pendidikan, nama sekolah, dan keputusan peperiksaan boleh dijadikan sebagai tanda kebolehan saksi kanak-kanak untuk memberi keterangan. Nilai yang ketiga adalah persekitaran dimana pemerhatian persekitaran dilaksanakan bagi mengetahui sama ada saksi kanak-kanak bebas daripada pengaruh negatif yang mungkin boleh diperoleh daripada kawasan persekitarannya.

KESIMPULAN

Oleh itu, jelas bahawa pemberian keterangan saksi kanak-kanak adalah dibenarkan dan diterima oleh mahkamah tidak kira sivil atau syariah. Namun, jenis-jenis keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak adalah berbeza mengikut had umur dan kebolehan saksi kanak-kanak itu sendiri. Berikutan itu, pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak juga adalah berbeza dalam Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah sivil. Begitu juga dengan perundangan yang berkaitan dengan pemberian keterangan kanak-kanak. EKSM 2004 adalah terpakai bagi mahkamah syariah manakala AK 1970 dan juga AKKK 2007 adalah terpakai bagi mahkamah sivil. Pembaharuan kepada peruntukan AKKK 2007 juga membantu dan mengembangkan perundangan berkaitan kesaksian kanak-kanak. Namun, pembaharuan ini tidaklah menjamin kecekapan dalam pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak. Hal ini

kerana tetap wujud cabaran dalam menentukan dan menerima pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak. Justeru, perlunya cadangan yang dapat diimplementasikan bagi mengatasi cabaran dan permasalahan yang timbul.

RUJUKAN

- Mohd Shariff, A. A. (2011). Prosedur pendakwaan jenayah syariah: Analisis ke atas peruntukkan undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 15. 1-15. ISSN 1394-7729. <https://journalarticle.ukm.my/3321/>
- Adli A. & Mohamed Said, L. S. (2018). Keperluan Saksi Dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah Di Mahkamah Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law* 3(2), 20-27.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (n.d.). Kesaksian. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kesaksian>
- Abd Rahim, F. S. (2022). Kesaksian kanak-kanak dalam kes-kes jenayah: Perbandingan antara kes syariah dan sivil. *Journal of Law & Governance*, 5(1), 79-89.
- Sallahudin, M. S. & Samuri, M. A. A. (2024). Konsep keterangan kanak-kanak di bawah 18 tahun di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 70-77.
- Muhammad Rawwas Qan'arji. (1983). *Mausu'ah fiqh Abu Bakar al-Siddiq*. Dar al-Nafais.
- Noor, R. M. (2008). Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Analisis dari Perspektif Mazhab Syafi'i. *Jurnal Fiqh* (5), 143-167.
- Saifuddin, S., Mohd Zahir, M. Z., Hashim, F. Y., Pg Musa, P. I., & Jamil, A. (2025). Challenges in the Enforcement of Syariah Criminal Law on Social Media in Malaysia: A Review from the Perspective of Syariah Evidence Law. *Journal of Advanced Research Design*, 145(1), 42–54. <https://akademiabaru.com/submit/index.php/ard/article/view/6782>.
- Saifuddin, S., Hashim, F. Y., Mohd Zahir, M. Z., & Ab Halim, A. H. (2025). Enforcement of Sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>.
- Saifuddin, S., Markom, R. & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1-34.
- Nasohah, Z., Yusof, W., Mohd Kusrin, Z, Alias, M. N. & Abu Yaziz, A. S. (2021). Children's evidence in custody disputes cases in the Sharia courts. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 9(08), 467-472. <https://doi.org/10.21474/IJAR01/13291>

Akta/Enakmen

Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Keterangan 1950

Akta Keterangan Kanak-Kanak 2007

Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2004 (Negeri Sabah)

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2004 (Negeri Sabah)

Kanun Keseksaan (Akta 574)